

11/10/2003

Siti Hasmah pengerusi dialog Wanita Pertama

ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang mencetus idea pembabitan wanita pada Sidang Kemuncak OIC akan mempengerusikan dialog Wanita Pertama 17 Oktober ini.

Dialog julung kali sempena Sidang Kemuncak OIC bertujuan berkongsi pengalaman dan maklumat antara isteri ketua kerajaan yang akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Dialog bertema Wanita: Keamanan dan Pembangunan akan diadakan di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.

Dr Siti Hasmah berkata, idea program bagi wanita pertama itu sudah lama difikirkannya kerana sedar kepentingan fungsi wanita dalam dunia Islam yang perlu diberikan pengiktirafan.

Katanya, lebih mendorongnya adalah soalan yang diajukan kepada Perdana Menteri Datuk, Seri Dr Mahathir Mohamad oleh puteri Presiden Iran ketika itu, Ali Akhbar Hashemi Rafsanjani pada Sidang Kemuncak OIC di Doha, Qatar mengenai kenapa agenda wanita langsung tidak dimasukkan dalam persidangan berkenaan.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Seri Perdana, semalam. Turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Dr Siti Hasmah berkata, agenda wanita tidak dimasukkan berdasarkan prosedur OIC sejak ditubuhkan pada 1969.

Sehubungan itu, beliau berkata, objektif utama menjemput isteri ketua negara OIC juga bertujuan mendapatkan pandangan mereka mengenai cabaran wanita di negara Islam.

"Kita memang boleh mendapat maklumat daripada buku tetapi kadangkala ia bukan pendapat mereka sendiri. Adalah lebih baik kita tahu pendapat mereka dari mulut mereka sendiri," katanya.

Dialog anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu adalah acara utama program isteri ketua negara dan kerajaan OIC yang menghadiri sidang kemuncak kali ini.

Dr Siti Hasmah berkata, antara Wanita Pertama yang mengesahkan kehadiran ialah Edith Lucie Bongo dari Gabon, Zineb Yahya Jameh dari Gambia, Sehba Musharraf dari Pakistan, Widad Babikir Omer dari Sudan dan Semra Sezer dari Turki.

"Dialog itu juga akan disertai isteri menteri luar dan menteri lain negara OIC, isteri menteri Kabinet Malaysia, isteri ketua perwakilan negara OIC di Malaysia dan tokoh wanita tempatan.

"Selain itu, isteri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Nane Annan akan hadir sebagai pemerhati," katanya.

Antara topik yang akan dibincangkan adalah mengenai pendidikan, kesihatan wanita, pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, HIV/Aids serta penyakit berjangkit.